

Dia tidak memikirkan sensitiviti umat Islam - Pengerusi Majlis Fatwa

# Tony Pua serlah kejahilan

Oleh **SOFIAN BAHAROM**

sofian.baharom@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 18 Feb. - Majlis Fatwa Kebangsaan membi-  
das tindakan Pengerusi DAP Se-  
langor, Tony Pua yang memper-  
tikaikan keputusan majlis itu me-  
larang umat Islam menyambut Ha-  
ri Kekasih.

Pengerusinya, Prof. Emeritus  
Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin  
turut menggesa Ahli Parlimen Pe-  
taling Jaya Utara itu supaya tidak  
menyerlahkan kejahilannya dalam  
isu berkaitan agama Islam.

Katanya, fatwa berkaitan Hari  
Kekasih adalah berdasarkan sudut  
Islam yang hanya terpakai kepada  
umat Islam sahaja justeru, tinda-



 Kalau tidak melibatkan dirinya,  
janganlah bising sebab  
semua ini adalah dari sudut agama Islam

PROF. EMERITUS TAN SRI DR. ABDUL SHUKOR HUSIN  
Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

kan Tony itu dilihat seolah-olah  
cuba memperlekeh fatwa berke-  
naan.

“Tindakan ini tidak kena dan  
dia (Tony) tidak memikirkan sen-

sitiviti umat Islam. Ini adalah ne-  
gara majmuk dan dia tidak boleh  
berbuat demikian kerana tidak ta-  
hu kesan terhadapnya kelak.

“Kalau tidak melibatkan diri-  
nya, janganlah bising sebab semua

ini adalah dari sudut agama Is-  
lam,” katanya ketika dihubungi di  
sini hari ini.

Tony melalui laman sosial Fa-  
cebook miliknya baru-baru ini me-  
muat naik satu kenyataan ketika

berada di London bersama iste-  
rinya.

Kenyataan itu didakwa men-  
yentuh larangan pihak berkuasa  
agama Islam di negara ini yang  
mengisytiharkan sambutan Hari  
Kekasih sebagai haram.

Mengulas lanjut, Abdul Shukor  
menegaskan, sebagai pemimpin  
bertaraf wakil rakyat, Tony sepat-  
utnya mempunyai kesedaran sivik,  
saling menghormati dan ber-  
tanggungjawab terhadap segala  
kenyataannya.

“Saya fikir semua rakyat teru-  
tama yang berada di bandar men-  
getahui berhubung sensitiviti ini.  
Saya percaya umat Islam tidak akan  
sampai ke tahap itu untuk mem-  
buat provokasi agama,” tegasnya.